

Gaji stabil tingkat jumlah cukai individu tahun ini

Pelaksanaan e-Invois secara berfasa turut menyumbang peningkatan hasil

Laporan Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan kutipan cukai pendapatan individu yang dijangka mencecah RM49.07 bilion tahun ini, peningkatan 9.4 peratus berbanding tahun lalu, antara lain disumbang oleh pertumbuhan gaji lebih stabil, membawa kepada peningkatan bilangan pembayar cukai individu berdaftar sebanyak 13 peratus.

Timbalan Menteri Kewangan, Liew Chin Tong, berkata pada masa sama, ia juga disumbang oleh kadar pengangguran yang rendah dan pelarasan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saaran Perkhidmatan Awam (SS-PA).

“Selain itu, pendapatan syarikat yang lebih tinggi, khususnya daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan serta pelaksanaan e-Invois secara berfasa mulai Ogos 2024 dijangka turut menyumbang kepada peningkatan hasil cukai korporat serta me-



Chin Tong ketika sesi soal jawab di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

ngurangkan ketirisan dan meningkatkan pematuhan cukai,” katanya pada sesi soal jawab di semalam.

Beliau menjawab soalan asal Chong Chieng Jen (PH-Stampin) mengenai jumlah pungutan cukai pendapatan individu dan syarikat serta Cukai Jualan dan Perkhidmatan pada 2025 dan anggaran untuk 2026.

Chin Tong berkata, cukai pendapatan syarikat dijangka me-

tingkat kepada RM103.35 bilion, peningkatan 6.5 peratus, berbanding kutipan hasil 2025, manakala unjuran jumlah kutipan Cukai Jualan ialah RM26.6 bilion dan Cukai Perkhidmatan sebanyak RM33 bilion.

Kutipan hasil pendapatan

Bagi 2025, Chin Tong, berkata berdasarkan laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2026 yang di-



terbitkan Kementerian Kewangan, anggaran disemak bagi kutipan hasil cukai pendapatan individu dan syarikat, masing-masing sebanyak RM44.86 bilion dan RM97.03 bilion.

Jumlah kutipan hasil Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan pula, masing-masing sebanyak RM25.6 bilion dan RM30.3 bilion.

Menjawab soalan tambahan Chieng Jen, sama ada kerajaan berhasrat melonggarkan penguatkuasaan dan pengauditan terhadap perindustrian kecil dan sederhana (SME) supaya mereka boleh mengadaptasi dasar yang diperkenal, seperti e-invois dalam model perniagaan mereka, Chin Tong, memaklumkan kerajaan sudah melonggarkan fasa pelaksanaan e-invois daripada enam bulan kepada setahun.

“E-invois dianggap sebagai satu beban tetapi ia juga proses untuk pendigitalan, yang tidak ditekankan sebelum ini.

“Nilai ambang juga ditingkatkan kepada RM1 juta, bukan RM500,000 seperti sebelum ini,” katanya.